

Mac/April 1992

RMK 452 - Pentadbiran Tanah

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. a) Huraikan dengan ringkas perkembangan undang-undang tanah di Malaysia sehingga membawa kepada pemakaian sistem Torrens dalam Kanun Tanah Negara 1965.  
b) Terangkan prinsip-prinsip utama dalam Sistem Torrens dan bezakan sistem tersebut dengan Hakmilik Tanah Adat Melayu.

(25 markah)

2. 'Sistem Lesen Pendudukan Sementara (TOL) adalah berasaskan kepada mekanisme perundangan yang diadakan untuk menyelesaikan masalah pendudukan tanah negeri secara haram. Ia merupakan alat yang dimanfaatkan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi menangani masalah kekurangan tanah secara ad-hoc.'  
a) Bincangkan hak-hak yang dinikmati oleh pemegang Lesen Pendudukan Sementara (TOL)  
b) Kenalpasti kelemahan dari pelaksanaan sistem Lesen Pendudukan Sementara (TOL) dan utarakan cadangan-cadangan bagi mengatasi kelemahan tersebut.

(25 markah)

3. Jelaskan perlanggaran syarat sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Kanun Tanah Negara 1965. Berasaskan kepada kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah, bincangkan tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh pemilik tanah untuk melepaskan dirinya dari penyitaan.

(25 markah)

4. 'Pendaftaran, prinsip terpenting dalam Sistem Torrens, merupakan syarat yang amat penting bagi hakmilik yang tidak boleh disangkal'.

(Hakim Hashim Yeop Sani [ketika itu] dalam kes Mohammad Buyong lawan Pemungut Hasil Tanah Gombak danlain-lain (1982) 2MLJ 53).

Berasaskan fakta di atas bincangkan kesan-kesan pendaftaran dan pengecualian kepada status tidak boleh disangkal.

(25 markah)

5. Artikel 13 Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa pampasan yang mencukupi mesti dibayar untuk setiap pengambilan balik tanah. Bincangkan.

(25 markah)

6. S. 342(1) Kanun Tanah Negara mentakrifkan 'pemilikan-bersama' sebagai pemegangan/pemilikan syer yang tidak dibahagi tanah bermilik oleh dua atau lebih orang atau badan. Bincangkan hak-hak yang dinikmati oleh pemilikan-bersama.

(25 markah)

-ooo00ooo-